

PELAJAR KHALIFAH PROFESIONAL TEMPAAN ULUL ALBAB SOROTAN PENERAPANNYA BERASASKAN KOMPONEN QEI DI UPSI

Abdul Halim Ali

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Correspondent Email: halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Published: 26 December 2023

To cite this article (APA): Ali, A. H. (2023). Pelajar Khalifah Profesional Tempaan Ulul Albab sorotan penerapannya berasaskan komponen QEI di UPSI. *Firdaus Journal*, 3(2), 51–63. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.5.2023>

ABSTRAK

Makalah ini merupakan sebuah analisis konseptual bertujuan untuk membincangkan produk pelajar bercirikan khalifah profesional berasaskan konsep ulul albab. Perbincangan berpandukan kepada tiga aspek penting iaitu penjelasan tentang konsep ulul albab, konsep khalifah profesional dan penerpananya dalam program pembentukan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Perbincangan tentang konsep ulul albab meliputi tiga komponen penting iaitu Quranik, ensiklopedik dan ijtihadik. Penerapan dalam program-program di Universiti Pendidikan Sultan Idris menerusi Pusat Ulul Albab telah berjaya menghasilkan pelajar-pelajar yang bersifat ulul albab ini. Tujuh orang pelajar hasil tempaan ulul albab UPSI diperincikan bagi membuktikan bahawa pelaksanaan program ulul albab dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang bercirikan khalifah profesional.

Kata kunci: *Pelajar UPSI, khalifah profesional, Ulul Albab, QEI*

PENGENALAN

Topik berkaitan ulul albab dan persoalan yang berligar di sekitarnya telah banyak dibincangkan dalam pelbagai forum akademik. Keterujaan terhadap ulul albab yang sumbernya diambil langsung daripada al-Quran itu telah membawa kepada penubuhan pelbagai institusi yang berteraskan konsep ini. Di negeri Terengganu, Malaysia idea membawa dan menerapkan konsep ini dianjurkan oleh Dato' Seri Idris Jusoh, mantan Menteri Pendidikan Malaysia (kini Penggerusi FELDA) menerusi penubuhkan sekolah IMTIAZ di Terengganu.

Selain sekolah IMTIAZ, konsep ini kemudiannya diterima pakai oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, menerusi Bahagian Pendidikan Islam yang

memperkenalkan kurikulum tahfiz berasaskan model ulul albab. Demikian juga dengan Bahagian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut memperkenalkan kurikulum berteraskan model ulul albab di beberapa buah Maktab Rendah Sains Mara di seluruh negara Malaysia. Sementara itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Perak, Malaysia menubuhkan Pusat Ulul Albab pada tahun 2017 sebagai satu ketumbukan bagi meningkatkan aktiviti pelajar berteraskan model ulul albab sebagai program bernilai tambah.

Di tempat-tempat lain di Malaysia dan juga di Indonesia, istilah ini sudah agak popular digunakan dan dipopularkan bagi memberi imej keunikan sistem pendidikan atau institusi yang dibangunkan. Berdasarkan senario ini, ia memberi suatu gambaran bahawa ulul albab memiliki nilai tinggi dalam persepsi orang-orang berakal dan faham dengan matang falsafah serta inti pati yang mendasarinya.

MANUSIA SUBJEK ULUL ALBAB

Istilah ulul albab ini diambil langsung daripada 16 ayat Al-Quran yang terkandung dalam 10 surah. Berdasarkan keterangan dan huraian yang diberikan oleh ahli tafsir dan sarjana, ulul albab menerangkan tentang sifat manusia yang secara khususnya diberikan oleh Allah SWT menerusi firman-firman-Nya itu. Tuntasnya, manusia adalah subjek utama ulul albab. Pencirian sifat ulul albab pada diri manusia berkait langsung dengan peranannya sebagai khalifah (pemimpin) yang diamanahkan untuk mengurus kehidupan di atas muka bumi.

Keberadaan manusia di muka bumi ini berkait langsung dengan kehendak Allah SWT yang mencipta dan memilih makhluk manusia untuk memikul amanah sebagai khalifah. Pemilihan manusia sebagai khalifah ini diberitahu oleh Allah SWT kepada para malaikat. disebut dalam al-Quran Karim menerusi Surah Al-Baqarah;

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً فَالْوَأْ
أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ
بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ



Maksudnya:

Ingatlah, ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, "Sesungguhnya Aku ingin menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata, "Mengapakah Engkau menjadikan di bumi itu orang yang membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau? ". Tuhan berfirman, "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

(Al-Baqarah: 30)

Sebagai khalifah, manusia diberi tanggungjawab kepimpinan bagi menjalankan tugas kepimpinan di atas muka bumi dengan petunjuk Allah SWT. Untuk membolehkan manusia menjalankan fungsi kekhilafahannya, Allah SWT melengkapkan diri manusia dengan potensi intelektual dan spiritual secara sekaligus (Hafsin Abu, 2017). Manusia

wujud sebagai makhluk yang istimewa dengan pelbagai kelebihan berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain, kerana manusia adalah makhluk yang dicpta dalam bentuk yang sebaik-baiknya dan sempurna sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Tin, ayat ke-4;




Maksudnya:

"Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya"

(Surat At-Tin:4)

Manusia diciptakan sebagai makhluk istimewa yang mempunyai kelebihan-kelebihannya berbanding makhluk yang lain. Kelebihan sifat manusia itu digambarkan oleh Allah SWT menerusi proses penciptaannya, ilmu pengertahanan yang diberikan kepadanya dan kehormatan yang diberikan. Para malaikat dan Jin diperintahkan sujud setelah selesai manusia pertama diciptakan. Hal ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah Sad:71-72.



Maksudnya:

(Ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:
"Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia – Adam dari tanah; (71)

"Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya". (72)

(Surat Sad: 71-72)

Manusia mempunyai kelebihan yang luar biasa, iaitu diberikan akal dan kesedaran, baik internal dan eksternal. Dengan dikurniai akal, manusia dapat mengembangkan bakat dan potensi yang dimilikinya serta mampu mengatur dan mengelola alam semesta ciptaan Allah adalah sebagai amanah (Marhaban, 2018).

Tujuan manusia diciptakan adalah untuk dijadikan khalifah di muka bumi. Khalifah yang sifatnya tunduk memberi penyerahan pengabdian kehidupan hanya kepada Allah SWT. Tugas-tugas kekhilafahan meliputi seluruh kehidupan diri yang berhubungan langsung dengan Tuhan, semasa manusia, masyarakat, keluarga, alam dan diri sendiri. Justeru, manusia diberi upaya memperkembangkan potensi dengan ilham yang dikurniakan Allah SWT.

Allah SWT berfirman;



Maksudnya:

(7) dan jiwa serta penyempurnaananya (ciptaannya), (8) Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. (9) Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, (10) dan Sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya."

(As-Syam:7-10)

Menurut Jamil Abdul Aziz (2020) manusia dalam pandangan Islam dianugerahkan tiga potensi dalam mencari ilmu pengetahuan, iaitu: panca indera, akal dan hati. Potensi-potensi inilah yang diharapkan mampu mengoptimalkan fungsi jasmani dan rohani yang ada pada diri manusia, sehingga mampu menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi. Potensi menggerak upaya diri manusia menerusi fungsi biologi dan perkembangan pemikiran sehingga menyerlahkan pada diri manusia itu bakat dalam sesuatu bidang.

Berdasarkan Firman Allah dalam Surah As-Syam, ayat 7-10 juga dapat difahami bahawa ilham merupakan sumber yang menggerakkan potensi manusia menuju ke arah kebaikan atau keburukan. Upaya potensi adalah sesuatu yang subjektif, namun ia masih dapat dilihat dan ukur menerusi bakat yang lahir daripadanya. Pekembangan bakat dapat dilihat dari aspek potensi, prestasi dan kompetensi (Masitah Mohammad & Mohamed Khaidir, 2020).

Tugas Khalifah

Rahmat Ilyas (2016) dalam membincangkan peranan manusia sebagai khalifah, menyenaraikan tugas-tugas khalifah seperti berikut:

1. Tamkin Dinillah (menegakkan agama Allah) yang telah diridhai-Nya dengan menjadikannya sistem hidup dan perundangan-undangan dalam semua aspek kehidupan.
2. Menciptakan keamanan bagi umat Islam dalam menjalankan agama Islam dari ancaman orang-orang kafir, baik yang berada dalam negeri Islam maupun yang di luar negeri Islam,
3. Menegakkan sistem ibadah dan menjauhi sistem dan perbuatan syirik
4. Menerapkan undang-undang yang ada dalam Al-Qur'an, termasuk Sunnah Rasul Saw.
dengan Haq dan adil, kendati terhadap diri, keluarga dan orang-orang terdekat sekalipun,
5. Berjihad di jalan Allah

Syarat-syarat Menjadi Khalifah

Khalifah dengan maksud pemimpin berada pada kedudukan tinggi dalam masyarakat dan Negara. Kerana itu, khalifah merupakan manusia terpilih yang menjalankan fungsi kepimpinan dan wakil Allah di muka bumi mentadbir alam ini dengan perintah-Nya. Justeru, untuk hanya manusia yang layak dan terpilih sahaja yang paling sesuai memikul tanggungjawab khalifah. Rahmat Ilyas (2016) menyenaraikan beberapa tujuh syarat untuk menjadi atau diangkat sebagai khalifah berdasarkan keterangan al-Quran dan hadis iaitu;

1. Muslim
2. Lelaki
3. Merdeka
4. Dewasa
5. Darjat Mujtahid
6. Adil, dan
7. Profesional.
8. Sihat penglihatan
9. Pemberani
10. Dari Suku Quraisy

Khalifah Insan Profesional

Profesional lazimnya diterangkan sebagai seseorang individu atau golongan yang melakukan sesuatu pekerjaan atau profesi dengan menggunakan kepakaran, kecekapan atau kemahiran yang diperlukan dalam bidang yang diceburinya secara khusus, spesifik, berfokus, sistematik cekap dan berkemahiran tinggi. Perkataan profesional juga membawa maksud nilai. Nilai yang dimaksud adalah hasil pekerjaannya menampilkan mutu dan prestasi kerja yang tinggi, ekskulsif dan hanya menetapkan orang yang menggunakan kepakaran kerja tertentu, tetapi dapat merujuk pada sifat-sifat yang membuatnya menonjol dalam prestasi kerjanya.

Seseorang yang bersifat profesional dalam kerjayanya adalah orang yang mengamalkan etika profesionalnya yang tersendiri. Etika profesional menetapkan standard tingkah laku untuk pelaksanaan fungsi jawatan dalam kerangka etika. Dalam banyak kes, mereka menangani isu-isu kecekapan dan kemampuan profesional, selain isu-isu khusus yang khusus untuk setiap bidang. Walaupun etika profesional menggunakan nilai - nilai universal manusia, ia menumpukan pada bagaimana ia dapat diterapkan pada persekitaran kerja dan persekitaran ia bertingkah laku.

Pemimpin yang profesional adalah pemimpin yang mengamalkan etika kepimpinan yang profesional. Dalam hal ini, dia adalah pemimpin yang menampilkan budaya kerja yang berbeza dengan orang lain dan mengamalkan etika yang khusus dan ekskusif untuk diri dan profesionanya sahaja.

Islam juga menetapkan seseorang pemimpin haruslah seseorang yang bersifat professional. Dalam erti kata, mengamalkan etika profesi berdasarkan nilai-nilai Islam dan menamiklan secara menyeluruh dalam profesionanya tuntutan Islam itu sepenuhnya. Sepertimana yang disebut oleh Rahmat Ilyas (2016), terdapat sepuluh

Pelajar Khalifah Profesional Tempaan Ulul Albab sorotan penerapannya berasaskan komponen QEI di UPSI

syarat yang ditetapkan dalam al-Quran untuk seseorang itu boleh diangkat sebagai pemimpin. Salah satu syaratnya adalah bersifat profesional.

Profesional adalah satu ciri yang melengkapkan sifat ulul albab pada diri seseorang sebagai pemimpin. Konsep ulul albab membawa suatu pemahaman tentang manusia yang menggunakan akalnya untuk mengenal Allah, keagungan-Nya, kebijaksanaan-Nya serta keadilan-Nya. Manusia ini menurut Asri Zainal Abidin, Mufti Negeri Perlis, golongan ulul albab merujuk golongan manusia yang memiliki akal dan kefahmaan yang matang sehingga mampu membuat penilaian yang tepat. Juga disebut manusia ulul albab ini sebagai manusia yang menggunakan kal dengan sempurna, berakal fikiran yang mantap, menguasai dengan amat baik ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Manusia ulul albab adalah manusia yang memiliki kesedaran tentang keberadaan dirinya, tanggung jawabnya terhadap Tuhan untuk membawa perubahan dalam lingkungannya dengan ilmu yang berteraskan al-Quran menuju kepada keadaan yang lebih baik dalam semua aspek kehidupan dan bidang kerjaya.

KOMPONEN QEI DAN PENERAPANNYA DALAM AKTIVITI PELAJAR DI UPSI

Daripada sumber al-Quran juga, dapat ditelusuri pada 16 ayat yang membawa kepada suatu pemahaman tentang ciri-ciri pemimpin yang bersifat profesional. Ayat-ayat al-Quran yang membawa makna Ulul Albab terkandung dalam 10 Surah berikut :-

1. Al-Baqarah [2]: 179, 197, 269
2. Ali 'Imran [3]: 7, 90
3. Al-Mâidah [5]: 100 4
4. Yusuf [12]: 111
5. Al-Ra'd [13]: 19
6. Ibrahim [14]: 52
7. Shâd [38]: 29, 43
8. Al-Zumar [39]: 9, 18, 21
9. Al-Mukmin [40]: 54
10. Al-Thalaq [65]: 10

Daripada 16 ayat yang menyebutkan tentang perkataan ulul albab, maka dirumuskan pula suatu model yang mengandungi tiga komponen sesuai dengan maksud ulul albab yang dinyatakan dalam al-Quran. Tiga komponen tersebut adalah quranik, ensiklopedik dan ijtihadik sebagaimana berikut;

Ciri-Ciri Model Ulul Albab

BIL	SURAH	AYAT	INTIPATI	CIRI-CIRI
1	<i>Al-Baqarah</i>	179	Berakal fikiran & bertakwa	<i>Ijtihadik</i>
2	<i>Al-Baqarah</i>	197	Memelihara diri & bertakwa	<i>Ijtihadik</i>
3	<i>Al-Baqarah</i>	269	Mengambil pengajaran & peringatan	<i>Ijtihadik</i>
4	<i>A-li 'Imraan</i>	7	Mendalami ilmu-ilmu agama	<i>Ensaiklopedik</i>
5	<i>A-li 'Imraan</i>	190	Kejadian langit dan bumi	<i>Ensaiklopedik</i>
6	<i>Al-Maaidah</i>	100	Buruk dengan baik	<i>Ijtihadik</i>
7	<i>Yusuf</i>	111	Sebagai keterangan	<i>Ijtihadik</i>
8	<i>Ar-Ra'd</i>	19	Al-Quran diturunkan	<i>Quranik</i>
9	<i>Ibrahim</i>	52	Diberi ingat & nasihat	<i>Quranik</i>
10	<i>Saad</i>	29	Banyak faedah-faedah	<i>Quranik</i>
11	<i>Saad</i>	43	Peringatan	<i>Ijtihadik</i>
12	<i>Az-Zumar</i>	9	Yang mengetahui dengan tidak	<i>Ijtihadik</i>
13	<i>Az-Zumar</i>	18	Memilih dan menurut hukum agama	<i>Ijtihadik</i>
14	<i>Az-Zumar</i>	21	Memerhatikan kejadian Tuhan	<i>Ijtihadik</i>
15	<i>Ghaafir</i>	54	Hidayah petunjuk dan peringatan	<i>Quranik</i>
16	<i>At-Talaq</i>	10	Bertakwa	<i>Quranik</i>

Sumber: Arniyuzie binti Mohd Arshad (2019)

Quranik adalah komponen utama dari 3 bahagian Ulul Albab. Seiring dengan kata akarnya yang diambil dari perkataan Al –Quran itu sendiri, Quranik membawa maksud memberi pengetahuan dan kefahaman yang itu kepada manusia akan intipati kandungan ajaran dari Al- Quran itu sendiri yang merangkumi dari aspek bacaan,tajwid, hafazan, tadabbur, *I'jaz (miracles/science)* , ibrah serta aplikasi dalam kehidupan seharian. Pembinaan generasi AlQuran yang berteraskan elemen Quranik adalah bertepatan dengan saranan Al-Quran dan Sunnah itu sendiri. Antara lain Firman Allah SWT dalam Surah Fathir ayat 29:

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan solat serta menginfaqkan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka dengan mengharapkan (daripada amalan yang demikian) sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian”.

Pengiktirafan yang Allah SWT berikan kepada manusia yang beriman dan mendaulatkan AlQuran bukan hanya mendapat ganjaran yang besar di akhirat, bahkan mendapat kebaikan dan kerahmatan hidup di dunia sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis:

Maksudnya: “Dan tidaklah satu kaum itu berkumpul di rumah-rumah Allah (masjid) sambil membaca al-Quran dan mempelajarinya sesama mereka melainkan turunnya ketenangan kepada mereka, diliputi oleh rahmat Allah serta malaikat mengerumuninya dan Allah menjadikan makhluk-makhluk yang berada di sisi-Nya menyebut-nyebut mereka. Dan barangsiapa yang amalnya perlahan, maka nasabnya tidak dapat mengangkat darjatnya itu”.

[Riwayat Muslim]

Bayangkan, manusia yang menjadikan Al-Quran sebagai tonggak di dalam kehidupan, bukan hanya mendapat naungan rahmat dari Tuhan, malah seluruh makhluk turut serta dalam mendoakan kesejahteraan dan kebaikan kepada mereka. Di dalam melahirkan generasi AlQuran dan Ulul Albab yang berteraskan komponen

Pelajar Khalifah Profesional Tempaan Ulul Albab sorotan penerapannya berasaskan komponen QEI di UPSI

Quranik berdasarkan penegasan dari Al-Quran dan hadis, maka satu modul khas di rangka bagi mencapai hasrat dan matlamat tersebut.

Sebagai satu satunya Pusat Ulul Albab di Malaysia dan di dunia, pusat ini mengambil inisiatif dan tanggungjawab merangka serta menggubal modul berteraskan Quranik dalam membina generasi Al-Quran masa depan. Justeru, modul-modul khas yang terdiri daripada konsep bacaan, tajwid, hafazan, *moden daie, asma' al husna* dan *amazing Al-Quran* diolah mengikut acuan masyarakat Malaysia yang ingin membina potensi diri menjadi generasi Ulul Albab yang bercirikan nilai Quranik.

Kesemua modul-modul ini dibina oleh pakar perunding serta ahli akademik berpengalaman bersifat komprehensif yang mengambil kira penekanan dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif dengan menjadikan Al-Quran sebagai tunjang dalam ceramah, aktiviti, LDK, permainan serta penilaian dalam membentuk generasi Al-Quran masa depan.

Dibina dalam 3 tahap (Asas, Pertengahan dan Lanjutan) Modul Profesional Ulul Albab (MPUA), berteraskan Al-Quran, dan di kendali oleh pakar yang merentas bidang agama dan sains, komponen Quranik terbukti antara modul yang komprehensif dan praktikal untuk dilaksanakan kepada masyarakat Malaysia terutama dalam kalangan mereka yang dahagakan pengetahuan serta kemahiran Al-Quran yang di terjemah dalam bentuk modul yang tersusun dan berstruktur.

Justeru, sentiasa berada di dalam kebaikan dan keuntungan seligimana manusia meletakkan Al-Quran sebagai tonggak dan perlumbagaan dalam hidup. Cukuplah kata-kata hikmah ini menyedarkan kita bahawa kebergantungan hidup kepada Al-Quran adalah sentiasa UNTUNG!!

"Tatkala Al-Quran diberikan kepada malaikat Jibril untuk disampaikan kepada Nabi, Maka jadilah Jibril sebaik-baik Malaikat yang diciptakan

Tatkala Al-Quran itu disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW, maka jadilah Nabi Muhammad SAW sebaik-baik dan penghulu bagi sekalian nabi

Tatkala Al-Quran diturunkan kepada umat Nabi Muhammad SAW, maka terpilihkan umat nabi Muhammad sebagai sebaik-baik umat

Tatkala Al-Quran diturunkan pada bulan Ramadhan, maka jadilah Ramadhan sebagai sebaik-baik bulan dalam 12 bulan

Tatkala Al-Quran diturunkan pada malam laylatul Qar, maka jadilah malam itu sebagai malam yang terbaik dan lebih baik dari 1000 bulan,

Oleh itu, tidakkah kita menjadi sebaik-baik insan, jika menjadikan Al-Quran sebagai teman yang sentiasa mendampingi kita jika dalam setiap keadaan, masa, benda dan tempat yang ada hubungan dengan Al-Quran, semua itu menjadi yang terbaik. Jadikanlah permulaan setiap hari hidup kita dengan Al-Quran dan hisuplah dengan Al-Quran, nescaya kita adalah manusia yang terbaik pada neraca Allah.


Komponen Ensiklopedik

Menurut *Cambridge Dictionary*, ‘ensiklopedik’ didefinisikan sebagai mengandungi maklumat yang banyak atau merangkumi pelbagai pengetahuan yang luas dan sangat mendalam. Sebagaimana istilah ‘ensiklopedia’ yang mengandungi keterangan lengkap tentang pelbagai ilmu pengetahuan secara tersusun, konsep ensiklopedik turut menggambarkan pemetaan ilmu secara sistematis dan menyeluruh. Konsep ensiklopedik juga sering dikaitkan dengan penggunaan minda secara holistik.

Konsep Ensiklopedik dalam model Ulul Albab memfokus dan mengasah bakat komunikasi serta kepelbagaian ilmu dan kemahiran lain termasuk penguasaan bahasa asing. Kesungguhan dalam menguasai ilmu pengetahuan telah diungkapkan dalam ayat-ayat alQur'an yang berkaitan Ulul Albab, antaranya dalam surah al-Baqarah, ayat 269 yang bermaksud:

“Allah menganugerahkan al hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al-Quran dan As Sunnah) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang dianugerahi hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi karunia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah).”

Komponen Ensiklopedik Ulul Albab terbahagi kepada dua sub-komponen utama iaitu kaedah menguasai ilmu dan kemahiran berkomunikasi. Teknik-teknik penguasaan ilmu berfokus kepada penggunaan kognitif yang optimum dalam pembelajaran, sementara kemahiran komunikasi merangkumi kemahiran penyampaian pengetahuan secara visual dan lisan.



Ensiklopedik adalah komponen yang penting dalam pembentukan sahsiah. Peserta yang mengikuti modul komponen Ensiklopedik didedahkan dengan kaedah dan pengetahuan yang berguna untuk diperaktikkan dalam kehidupan. Melalui modul komponen Ensiklopedik peserta dapat diterapkan dengan kecerdasan Ensiklopedik

Pelajar Khalifah Profesional Tempaan Ulul Albab sorotan penerapannya berasaskan komponen QEI di UPSI

sebagai persiapan menjadi pemimpin masa hadapan yang berketrampilan dan menjadi sumber rujukan komuniti. Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah, ayat 100 yang bermaksud:

"Katakanlah: "Tidak sama yang buruk dengan yang baik, meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu, maka bertakwalah kepada Allah hai orang-orang berakal, agar kamu mendapat keberuntungan."

Modul Ensiklopedik merangkumi pengetahuan dan kemahiran bermula dengan peringkat asas iaitu Memori, Bacaan dan Mengambil Nota, serta Komunikasi. Pada peringkat pertengahan pula merangkumi komponen Pengurusan Masa, Kemahiran Pembentangan dan *Polite and Positive English*, manakala pada peringkat lanjutan peserta hanya perlu melengkapkan penyertaan dalam satu komponen sahaja iaitu *Problem Based Learning (PBL) Cyclo Race – Plan/ Run/ Reflect*. Setelah melalui modul-modul komponen Ensiklopedik, peserta sepatutnya akan mampu mengingati sepuluh kali ganda lebih baik daripada tahap biasa, meningkatkan daya kreatif dan inovatif, menguasai teknik komunikasi lisan dan bukan lisan, serta mengaplikasi kemahiran teknologi dalam penyampaian maklumat.

Komponen Ijtihadik

Perkataan Ijtihadik adalah berasal daripada kata dasar Bahasa Arab *Jahada* (جاهد) yang membawa maksud “bersungguh-sungguh menggunakan tenaga”, dan kata terbitannya adalah *ijtihad* (اجتہاد) yang membawa maksud “suatu proses penyelidikan yang serius yang dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh sarjana Islam (digelar mujtahid) untuk menerbitkan hukum-hukam yang bersifat amali”.

Perkataan *ijtihad* juga boleh didefinisikan dalam beberapa pengertian, iaitu “perbuatan mengkaji atau menyelidik sesuatu berdasarkan peraturan-peraturan tertentu” (Kamus Pelajar Edisi ke-2), dan “usaha utk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah”. (Kamus Dewan Edisi ke-4)

Pemakaian perkataan *Ijtihadik* mula diperkenalkan diperingkat awalnya oleh Sekolah IMTIAZ di bawah Yayasan Terengganu pada tahun 1999, sebagai salah satu komponen yang terdapat di dalam Ulul Albab, iaitu Quranik, Ensaiklopedik dan Ijtihadik. Pengisian program-program *Ijtihadik* yang diperkenalkan di Sekolah IMTIAZ dan telah dikembangkan di Pusat Ulul Albab, UPSI adalah bermatlamat untuk melahirkan generasi yang berkeupayaan berdepan dengan kepelbagaian cabaran, di samping berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

Justeru dalam konteks di UPSI, pelaksanaan modul Ijtihadik ini adalah berteraskan kepada proses penyelesaian masalah berpandukan pemikiran yang bijaksana dan bertindak dalam menghasilkan sesuatu dengan kreativiti dan inovasi, selari dengan pengertian umum “Ulul Albab” itu sendiri “iaitu orang-orang yang sentiasa berfikir”.

Pusat Ulul Albab UPSI yang ditubuhkan pada tahun 2017, telah melaksanakan pelbagai program dalam komponen Ijtihadik bagi melengkapkan Mahasiswa UPSI dengan nilai tambah baharu bercirikan Ulul Albab. Antara program berkonsepkan

Ijtihadik yang dilaksanakan adalah *Neuro Linguistic Programming* (NLP) iaitu satu aplikasi amali bagaimana manusia berfikir dan memprogramkan dirinya untuk mencapai apa yang diingininya.

Melalui program NLP ini, konsep *Ijtihadik* telah dikembangkan lagi dalam pengisian program utama dan program pengukuhan Ulul Albab, antaranya *Smart Study & Memory Skill*, Nombor Ceria dan Bacaan Pantas, Transformasi Diri, *Brain Gym*, *Emotional Intelligence*, *Graphic Recording*, Sukan Sunnah Berenang, Memanah dan Berkuda, Anda Berhak Hebat (ABAH), *Tarbiyah Murabbi*, *Awesome Social Media Using Mobile Apps*, Seminar/Motivasi Pecutan Akhir Peperiksaan dan lain-lain lagi. Pelaksanaan program berkonseptan Ijtihadik telah dikemaskini dan ditambahbaik lagi melalui medium yang lebih sistematik dan berfokus, iaitu dengan terlaksananya Program Pensijilan Profesional Ulul Albab yang dilaksanakan dalam 3 tahap, Asas (Basic), Pertengahan (Intermediate) dan Lanjutan (Advanced).

Komponen Ijtihadik yang dilaksanakan dalam program ini adalah sebagai pelengkap kepada modul, di mana ianya dapat mengupaya dan membolehkan peserta mengasah dan mengembangkan kemahiran minda untuk berfikir dan menyelesaikan masalah. Topik-topik yang disediakan telah disusun mengikut aras kesukaran sesuai dengan tahap modul.

Di peringkat asas, pengisian lebih menumpukan kepada teori dan pengenalan Ijtihadik, iaitu Konsep Ijtihadik, *Brain Mind Working* (Konsep Otak Tengah) dan Konsep Duplet Serta Pemikiran Hati. Manakala di peringkat pertengahan, pengisian lebih berfokuskan kepada beberapa kemahiran baharu dan terkini melalui topik-topik seperti Konsep Kreatif dan Inovatif, Tip-Tip Kreatif dan Inovatif, dan Aplikasi Tool Kreatif dan Inovatif. Seterusnya di peringkat lanjutan, pengisian lebih berfokus kepada aspek kognitif dan efektif iaitu dalam topik Kenali Masalah dan Penyelesaian yang mampu melahirkan peserta yang dapat menghayati dan mengaplikasikan ijtihadik dalam kehidupan.

Melalui penerapan komponen Ijtihadik dalam modul Ulul Albab, ianya telah melengkapkan proses kemenjadian mahasiswa UPSI sebagai bakal pemimpin/khalifah masa hadapan yang bukan sahaja bersifat profesional (cemerlang dunia) bahkan juga bersifat tauhidik (cemerlang akhirat).

TUJUH ASHABUL ULUL ALBAB UPSI

Dalam usaha melahirkan khalifah profesional di kalangan pelajar UPSI, Pusat Ulul Albab diberi peranan bagi menggerakkan usaha melatih dan membentuk pelajar-pelajar yang terlibat dalam program Ulul Albab dengan pelbagai modul dan aktiviti. Terdapat lima aktiviti penting yang dijadikan asas pembentukan ini iaitu sebagaimana berikut;

A. Program Utama:

1. Program Ulul Albab Peringkat 1 (Program Perjumpaan Mingguan)
Pelajar-pelajar yang telah menjadi ahli Kelab Sahabat Ulul Albab perlu mengikuti Program Perjumpaan Mingguan (PM). Perjumpaan Mingguan merupakan program teras yang wajib diikuti oleh pelajar bagi melayakkan

Pelajar Khalifah Profesional Tempaan Ulul Albab sorotan penerapannya berasaskan komponen QEI di UPSI

mereka untuk mengikuti ke peringkat seterusnya, Peringkat ke 2(Traning of Trainers). Bagi setiap perjumpaan, pelajar didedahkan dengan pelbagai topik yang disampaikan oleh Sahabat Ulul Albab dan panel yang dilantik oleh Pusat Ulul Albab.

2. Program Ulul Albab Peringkat 2 (Training of Trainers)

Pelajar-pelajar yang menunjukkan komitmen yang tinggi dan kehadiran yang telah ditetapkan pada Peringkat pertama, akan mengikuti Peringkat ke 2 iaitu Training of Trainers. Mereka juga akan diberi projek khas untuk melayakkan mereka ke Peringkat ke 3.

3. Program Ulul Albab Peringkat 3 (Sangkutan)

Program ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang telah melepas Peringkat 2 dan berketrampilan serta menunjukkan minat yang tinggi untuk mengikuti program Ulul Albab. Program sangkutan ini diadakan di dalam dan di luar negara untuk mendapatkan pengalaman, suasana dan budaya yang berbeza dan baharu.

B. Program Pensijilan Profesional Ulul Albab

Program Pensijilan Profesional Ulul Albab merupakan program yang bersifat lebih formal dan berstruktur di mana peserta akan mengikuti modul-modul ulul albab iaitu Quranik, Esiklopedik dan Ijtihadik secara berperingkat dalam tiga tahap iaitu peringkat asas, pertengahan dan lanjutan. Setiap tahap akan dilaksanakan selama tiga hari. Program ini akan dibimbing oleh sekumpulan “Talent Pool” atau jurulatih yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UPSI dari pelbagai fakulti yang telah melalui proses latihan dan bimbingan secara terus daripada Panel Ulul Albab UPSI.

C. Modul Kemahiran Ulul Albab

Modul Kemahiran Ulul Albab ini menfokuskan pengetahuan, kemahiran dan penghayatan yang mendalam kepada kumpulan sasaran dalam mencapai penguasaan yang menyeluruh terhadap tiga komponen utama Ulul Albab: Quranik, Esiklopedik dan Ijtihadik. Dengan bimbingan oleh jurulatih dan fasilitator berpengalaman serta terlatih dari Pusat Ulul Albab UPSI, Modul Kemahiran Ulul Albab ini menyediakan program latihan yang menepati keperluan pelanggan kami.

D. Design Firdaus

Design Firdaus merujuk kepada ikon generasi muda iaitu “Firdaus Imtiaz” yang digambarkan sebagai seorang pemuda yang mengecap pelbagai kejayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Program ini berhasrat untuk melahirkan individu-individu muslim yang mempunyai ciri-ciri Haffaz 30 Juzuq Al-Quran bergraduasi dari universiti dunia (Ivy League) dan diperingkat tertinggi (PHD) berupaya mengusai 4 ke 5 bahasa berakhhlak mulia, mempunyai syarikat multinasional yang tersohor.

E. Neuro Linguistic Programming (NLP)

NLP adalah satu kaedah mengurus minda bagi pencapaian hebat. Ianya ialah salah satu seni dan sains kecemerlangan diri dan dikatakan sebagai teknologi paling “ADVANCED” di planet ini. Tarbiah Murabbi merupakan program yang

mengaplikasikan NLP bermatlamat untuk mentransformasi pemikiran sekaligus membentuk personaliti dalam diri mahasiswa dan melonjakkan kecemerlangan mahasiswa kepada Pelajar Kelas Pertama.

RUMUSAN

Untuk membina keperibadian manusia yang bercirikan ulul albab sebagaimana yang disebutkan dalam 16 ayat al-Quran, sudah tentunya memerlukan kerangka fikir dan tindakan yang juga berteraskan konsep ulul albab. Kerangka fikir ini tidak harus terkeluar dari tiga komponen yang dibincangkan ini iaitu quranik, ensiklopedik dan ijihadik. Sudah tentu komponen quranik merupakan teras yang melandasi semua tindakan dan perancangan dalam komponen ensiklopedik dan ijihadik.

Manusia yang menjadi subjek utama ulul albab bukan sahaja hadir dan dihadir sebagai khalifah tetapi dalam waktu yang sama, manusia itu mestilah melengkapkan diri dengan sifat-sifat dan ciri-ciri yang telah disebutkan oleh Allah dalam al-Quran, khususnya dalam 16 ayat yang berkait dengan ciri-ciri golongan ulul albab.

Komponen QEI yang dijadikan kerangka pelaksanaan program tambah nilai adalah satu pendekatan yang bersifat holistik yang diyakini dapat mengisi keperibadian pelajar dengan sifat dan ciri ulul albab dengan harapan mereka (pelajar ini) dapat muncul menjadi khalifah profesional dalam merealilasikan peranannya sepertimana yang gtelah ditetapkan oleh Allah SWT sebagai pemimpin di muka bumi.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2020) Buku Panduan Program Profesional Ulul Albab. Tanjung Malim: Pusat Ulul Albab UPSI
- Arniyuzie binti Mohd Arshad (2019), Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Oktober 2015, 3(4), 22-35
- Hafsin, Abu. (2007). *Islam dan Humanisme: Akulturasi Humanisme Islam di Tengah Krisis Humanisme Universal*. Yogyakarta: IAIN Walisongo dengan Pustaka Pelajar.
- Marhaban, (2018) ‘Kritik Al-Quran Terhadap Manusia’, *Jurnal At-Tibyan* 3 (2), 213-222
- Masitah Mohammad Yusof & Mohamed Khairul Alias. (2020). Kriteria kompetensi bagi pembangunan bakat pemimpin. *Jurnal Penyelidikan Akademik Antarabangsa Sains Sosial*. 6. (1). 17-24.
- Jamil Abdul Aziz (2020) Potensi Manusia Pespektif Al-Qur'an dan Psikologi Behaviorisme Dan Humanisme Serta Implikasinya Dalam Pendidikan, *Jurnal Qiro'ah*. 10 (1), 1-13
- Rahmat Ilyas (2016) Manusia Sebagai Khalifah Dalam Perspektif Islam, *Mawa'izh*, 1 (7), 169-195
- Umi Kalthom Abdul Manaf, et al. (2021), The Origin, Conception Planning, development and Implementatrtion of The First Ulul Albab Educational Programme. Kajang: Penebitan Anaasa PLT